



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

**KERATAN AKHBAR
DAN
BERITA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

8 OGOS 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

8 OGOS 2023 (SELASA)

Sita kopi pracampur langgar guna cap dagang

Kota Bharu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita 7,900 sachet kopi pracampur pelbagai jenama di dua rumah yang dijadikan tempat penyimpanan di Pasir Puteh dan Bachok.

Dalam Operasi Bersepadu bersama wakil pemilik cap dagang selama dua hari sehingga kelmarin, serbuan turut dilakukan di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa yang memproses kopi pracampur terbahit.

Pengarah KPDN Kelantan, Azman Ismail berkata, lima tindakan kes dihasilkan atas kesalahan mengikut Seksyen 102(1)(c) dan 100(1)(b) Akta Cap Dagangan 2019.

"Hasil pemeriksaan mendapati ada kopi pracampur pelbagai jenama terkenal disyaki terdapat pelanggaran menggunakan cap dagang berdaftar ditemui di dalam operasi terbahit."

"Turut disita sebuah kenderaan dengan nombor pendaftaran tempatan, mesin pembungkusan produk kopi pracampur dan set



Kopi pracampuran pelbagai jenama dirampas di dua rumah yang dijadikan tempat penyimpanan di Pasir Puteh dan Bachok kerana disyaki terdapat pengingkaran menggunakan cap dagang berdaftar. - Gambar ihsan KPDN

komputer untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Azman berkata, operasi dilaksanakan di tempat simpanan dan kilang pemprosesan sekitar Kelantan bagi membanteras aktiviti penjualan barangan tiruan, penggunaan cap dagangan

tanpa kelulusan dan kebenaran dari pemilik cap dagang berdaftar.

Menurutnya, serbuan yang dibuat adalah melalui pengaduan oleh wakil pemilik

cap dagang daripada pemantauan dan risikan pihaknya selama seminggu.

"Nilai rampasan keseluruhan bagi kertas siasatan yang dibuka dianggarkan RM103,938.

"Jika sabit kesalahan, pemilik premis perniagaan boleh didenda iaitu jika individu atau perseorangan, denda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya manakala bagi pertubuhan atau perbada-

nan pula, denda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang.

"Kes disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019 kerana disyaki melakukan kesalahan iaitu mempunyai dalam milikan jajaan dan kawalan bagi maksud perdagangan," katanya.

KPDN menyita 7,900 sachet kopi pracampur pelbagai jenama

Shopee sekat penjualan air minuman berjenama SiHulk

Kuala Lumpur: Platform e-dagang Shopee mengambil tindakan pantas menyingkirkan penjualan air minuman jenama SiHulk yang didakwa boleh mengubati pelbagai jenis penyakit.

Jurucakap Shopee berkata, pihaknya sudah menyingkirkan senarai jualan dan penjual berkenaan daripada platform mereka serta-merta.

Menurutnya, pihaknya komited untuk membekalkan pengguna dengan pengalaman membeli-belah yang selamat, boleh dipercayai dan memuaskan.

"Peniaga dikehendaki mematuhi undang-undang tempatan dan polisi barangan terlarang kami.

"Kami mengingatkan peniaga bahawa senarai jualan yang didapati melanggar undang-un-

dang atau syarat terlarang akan disingkirkan," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, semalam.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan air minuman itu masih dijual secara dalam talian di dua laman e-dagang dengan seorang peniaga di setiap platform terbabit.

Bagaimanapun, pemerhatian

mendapati peniaga di sebuah platform e-dagang sudah tidak aktif sejak 13 minggu lalu dan hanya ada dua ulasan pelanggan dengan pembelian terakhirnya pada Mac tahun lalu.

Ahad lalu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dilaporkan akan menyiasat aktiviti jualan secara dalam talian minuman ber-

kena.

Julai lalu, media melaporkan penutupan aktiviti perniagaan membabitkan kilang air minuman yang dipasarkan kumpulan ajaran sesat SiHulk di Johor Bahru, Johor susulan penarikan sijil halal dan gagal mematuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor.

Kapal tangki bawa 190,000 liter diesel seludup ditahan

Labuan: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah kapal tangki membawa 190,000 liter diesel bernilai RM400,000 tanpa kebenaran di kedudukan 45.7 batu nautika barat laut Labuan pada Sabtu.

Pengarah APMM Labuan Kapten Maritim Nudin Jusoh dalam kenyataan ber-

kata pemeriksaan lanjut menemukan pelbagai kesalahan termasuk tiada nakhoda di atas kapal, lesen perkapalan dalam negeri tamat tempoh dan tiada senarai anak kapal serta dokumen penting lain.

Beliau berkata kapal tersebut dikesan ketika pihaknya sedang menjalankan Op Sejahtera, Op Naga Timur,

Op Khas Kuda Laut dan Op Tiris di sekitar perairan berhampiran pelantar minyak Samarang pada 2.10 petang.

"Kapal itu dikendalikan tujuh anak kapal, enam daripadanya

“
Kapal itu dikendalikan tujuh anak kapal Nudin”

warga Indonesia dan seorang warga India, berusia lingkungan 20 hingga 55 tahun, dan kesemua anak kapal mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Beliau berkata kapal tangki itu disyaki membawa diesel seludup memandangkan ia tidak mempunyai lesen untuk mengendalikan dan membawa bahan api.

Kes disiasat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO) 1952 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974, selain pemilik kapal akan di-

siasat di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta Kawalan Bekalan 1961.

APMM meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kesalahan, kecemasan atau kemalangan di laut supaya menghubungi talian MERS 999 atau Pusat Operasi Zon Maritim Labuan 087-427999.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE (KPDN)

8 OGOS 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 OGOS 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Aug	KPDN Kelantan sita kopi pracampuran tiruan	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/272357	SH
8-Aug	7,900 paket kopi pracampur dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/muta-khir/2023/08/996486/7900-pekete-kopi-pracampur-dirampas	HM
8-Aug	7,900 uncang kopi pracampuran pelbagai jenama disita	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/08/1136988/7900-uncang-kopi-pracampuran-pelbagai-jenama-disita	BH
8-Aug	Sugar woe resolved this month: Armizan	https://www.dailyexpress.com.my/news/217706/sugar-woe-resolved-this-month-armizan/	DAILYEXPRESS
8-Aug	Shopee singkirkan serta-merta jualan air minuman jenama SiHulk	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/08/996546/shopee-singkirkan-serta-merta-jualan-air-minuman-jenama-sihulk	HM